



**TEKS UCAPAN
YAB DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
PERDANA MENTERI**

BAGI

KONVESYEN NASIONAL KERAJAAN PERPADUAN 2023

14 MEI 2023 | AHAD

DEWAN MERDEKA, WTCKL

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, Nahmaduhu Wa Nusalli Ala Rasoolilah Kareem

Rakan-rakan Pimpinan;

Wakil-wakil Parti Kerajaan Perpaduan; dan

Pergerakan yang hadir.

1. Hari ini saya hadir dengan penuh semangat dan dengan pelbagai perasaan kerana setelah 25 tahun seperti yang disebut oleh Presiden UMNO tadi, saya dapat berucap di Dewan Merdeka. Terima kasih kerana beri kesempatan kembali ke Dewan merdeka.
2. Demikianlah kenyataan sejarah, yang memerlukan istiqamah, komitmen, tekad berjuang sehingga kita berjaya mewujudkan Kerajaan Perpaduan. Saya tidak berhasrat untuk mengulangi kenyataan ucapan yang disampaikan oleh rakan-rakan.
3. Apakah prinsipnya? Pertama, ini adalah *collective effort*. Bukan isu Anwar tetapi isu komitmen kepimpinan yang

punyai wawasan dan komitmen membela nasib rakyat. Komitmen ini diterjemahkan oleh rakan-rakan pimpinan. Mewujudkan satu Kerajaan Perpaduan bukanlah sekadar hanya menjunjung Titah Yang di-Pertuan Agong tetapi meletakkan asas supaya negara ini stabil.

4. Yang kedua, Kerajaan Perpaduan sekarang kukuh dan seperti mana disebut tadi, kalau ada pihak yang masih mengigau, saya telah melontarkan cadangan kepada mereka supaya membawa usul ke Parlimen dan kita bertempur di Parlimen minggu ini. Sebab apa? Sebab kestabilan politik itu menjamin keupayaan kita memacu pertumbuhan dan menghentikan politik mengadu domba, menghentikan orang-orang yang merompak kekayaan negara dan menyakau hak orang melayu.
5. Ada yang menegur saya, jangan keras sangat. Saudara, bukan saya keras tetapi kita kena ingat, jangan khianati amanah rakyat, jangan korbankan kepentingan kaum dan bangsa semata-mata untuk hidup senang dalam negara ini.
6. Perpaduan ini sudah berhasil. Terima kasih kepada pimpinan kerana saya tidak mungkin melakukan apa yang saya cita-citakan dan harapkan untuk negara ini kalau

tanpa semangat kesepaduan yang diperlihatkan secara serius oleh rakan-rakan dan saudara-saudara. Bukan sahaja 148 ahli Parlimen tetapi parti-parti yang bergabung dalam Kerajaan Perpaduan. Saya tabik hormat kepada saudara-saudara.

7. Kalau tidak ada semangat yang sedemikian, tidak mungkin kita dapat wujudkan Kerajaan Perpaduan yang mantap, sepertimana sekarang. Sebab itu saya mengatakan bahawa saya tabik hormat. Perpaduan ini untuk apa? Tidak pernah dianjurkan oleh agama, budaya, doktrin politik bersatu tanpa matlamat. Bersatu untuk dapat memperkukuhkan dan menyelamatkan mereka. Tiada yang bersatu untuk membolehkan mereka meneruskan cara-cara lama, memungghah kekayaan dan khazanah negara untuk sanak-saudara. Kita bersatu untuk meninggalkan kekacauan dan kerosakan yang lama untuk membentuk Malaysia baharu yang berteraskan MADANI dan tamadun bagi memartabatkan bangsa dan negara.
8. Ini bezanya! Saya mengulangi penghormatan barisan kepimpinan walaupun tidak terlepas dari serangan. Selama 6 bulan kita memerintah, terima kasih saya ucapkan kepada Timbalan-timbalan Presiden, Menteri-menteri, Premier Sarawak, Ketua Menteri Sabah dan

pimpinan yang lain. Kerana saudara-saudara bukan sahaja bersama dalam Kerajaan Perpaduan tetapi bersama-sama mengangkat komitmen tegas dan keras untuk membina Malaysia baharu.

9. Kita mulakan dengan prinsip tatakelola (*governance*). Negara sehebat mana sekalipun, tidak dapat bertahan kalau tidak ada nilai, tidak mempertahankan prinsip dan nilai. Bahawa yang benar itu benar, bahawa yang berkuasa itu bukan mengambil kesempatan dan sijil untuk memperkayakan diri dan keluarga serta sahabat handai. Kuasa yang ada, kekayaan khazanah yang ada, harus kita gunakan untuk membangun semula Malaysia agar Malaysia muncul sebagai gergasi ekonomi yang baharu.
10. Terima kasih saudara-saudara kerana dalam keadaan kita mewarisi hutang yang besar iaitu RM1.5 trillion dan defisit fiskal yang tinggi iaitu 5.5% untuk 2022, tetapi dalam masa singkat, enam (bulan) saudara-saudara, kita berjaya mencatat pertumbuhan di antara yang terbaik dirantau ini. Kita lihat pertumbuhan ekonomi Malaysia untuk suku tahun pertama 2023, iaitu:
 - i. Malaysia – 5.6%.
 - ii. China – 4.5%

- iii. Indonesia – 5%
- iv. Vietnam 3.3%

11. Begitu juga dengan pasaran buruh. Momentum pertumbuhan pada suku pertama 2023 telah memperlihatkan pengangguran menurun dari 3.6% kepada 3.5%. Keadaan inflasi pada suku tahun pertama 2023 menyederhana daripada suku keempat 2022 iaitu daripada 3.9% menjadi 3.6%. Di rantau ini juga, Malaysia telah mencatat inflasi yang terendah.
12. Ini bukanlah kerja Perdana Menteri seorang tetapi kerja Timbalan-timbalan Perdana Menteri yang dibebankan dengan jawatankuasa kabinet paling banyak dalam sejarah, serta menteri-menteri yang bertungkus lumus mencari pelaburan, meyakinkan pelabur-pelabur yang sebelum ini sudah mulai malap harapan mereka.
13. Pelaburan digital berkualiti seperti yang diumumkan, iaitu Amazon Web Services memulakan pelaburan yang tinggi di rantau kita, dan ini memberi peluang pekerjaan kepada jurutera, data saintis dan penganalisis data untuk jangka kini dan sederhana sebanyak RM25.5 bilion. Korea Selatan juga menunjuk minat untuk melabur sekitar RM24 billion melalui syarikat ternama seperti Samsung

Engineering, SKC, LOTTE Fine Chemical, Hyundai, Coway dan Konsortium Syarikat Korea.

14. Baru-baru ini, hebahan di berita adalah mengenai kunjungan saya ke China tetapi yang tidak tercatat adalah persediaan dan hasil kerja Menteri-menteri dan Kementerian-kementerian selama berminggu-minggu. Mereka mencatatkan pelaburan tertinggi dalam sejarah, iaitu RM170 bilion. Ini termasuklah Geely-Proton yang akan memulakan pelaburan RM10 bilion di Automative City, Tanjung Malim.

Saudara-saudara,

15. Inilah ertinya *good governance*. Ini ertinya perundangan yang tidak meletakkan komisen untuk menteri dan keluarga mereka. Ini ertinya *ease and speed of doing business* yang harus kita tegaskan agar negara ini muncul semula sebagai gergasi di rantau ini.
16. Kalau dilihat, usaha sedemikian bukan sahaja diambil oleh Kerajaan Persekutuan, tetapi turut dilaksanakan di negeri termasuklah Jemaah Menteri. Sudah berulang kali saya sebut tentang langkah yang dibuat oleh Premier Abang Johari di Sarawak, luar biasa prestasinya dengan

meneroka dalam bidang-bidang teknologi baharu dan digital.

17. Kadang kadang saya mengeluh kepada Abang Johari kerana kadang-kadang negeri Sarawak itu jauh lebih ke depan berbanding Kerajaan Persekutuan dan ini kenyataannya. Bermakna sekiranya Kerajaan itu stabil, pimpinan itu mengambil sikap terbuka, sanggup mendengar, belajar, tidak sombong dan tidak angkuh, dan pusatnya pemerhatian itu membangun negara dan tidak terganggu dengan cara bagaimana hendak menentukan kontrak minyak bagi anak, digital bagi menantu, maka akan lingkup negara ini kalau kita biarkan begitu rupa.
18. Saya sekali lagi menekankan, hebatnya pimpinan dan Jemaah Menteri sekarang, tiada satu laporan setakat ini mengenai kecurangan oleh pimpinan Kerajaan Perpaduan dalam kegiatan ini. Dan ini saudara, adalah rekod dalam sejarah, kalau orang tanya apa hebatnya Kerajaan Perpaduan? Saya jawab hebatnya kerana pasukan pimpinannya bertekad untuk hentikan kerosakan, amalan yang runtuh nilai, yang menyebabkan negara ini rugi dan dihina oleh dunia kerana amalan untuk memperkayakan diri dan menyalahgunakan kuasa. Ini bagi saya kejayaan hebat bagi orang-orang di atas dan juga Menteri di bawah.

Saudara-saudara,

19. Ini bukanlah perkara yang kecil tetapi yang dibangkitkan dan dihebohkan oleh pembangkang itu apa? Iaitu tentang KWSP atau Anwar pergi ke luar negara memakai songkok atau capal. Yang mereka sibuk, sakit hati saya memakai capal sebab apa? Yang penting tidak sakau. Saya berkata, menteri-menteri nak pakai capal boleh, nak pakai kasut pun boleh, nak pakai tali leher pun boleh, tidak pakai tali leher pun boleh, tetapi pakailah baju seluar dan yang tak boleh itu adalah sakau. Inilah detik, dalam sejarah yang mana kebangkitan negara dan tamadun umat manusia pada ketikanya, Allah takdirkan pimpinan baharu, mempunyai tekad yang sama iaitu mahu menyelamatkan negara daripada terus dengan ciri-ciri keruntuhan. Kita dalam Kerajaan Perpaduan telah memilih, inilah detik penting dalam sejarah di mana kita harus buat pilihan dan pilihan kita ialah mengembalikan maruah bangsa dan negara kita. Ini tekad kita bersama.

20. Apa yang dipermainkan oleh pembangkang? Bahawa kita telah meninggalkan agama kita dan meninggalkan bangsa kita. Siapa yang menghukum? Mereka yang menghukum dan selama ini yang kononnya melalak bersih, ruparupanya di antara yang paling kotor dalam sejarah. Tetapi

kerana mereka berkuasa dan mengongkong badan-badan penguatkuasaan, maka terpadam segala kekotoran.

21. Apakah arahan saya kepada Jemaah Menteri? Tanpa mengira siapa, mahupun Tun, Tan Sri atau mantan Perdana Menteri atau Menteri kewangan, jika kamu menyakau, kamu berdepan dengan hukuman dan hukum akan menetapkan.
22. Mandat ini adalah yang penting bagi kita untuk membawa suatu perubahan baharu kerana jika tatakelola itu dan *governance* baik, kita boleh tumpu. Saya bukan hendak memberi satu keistimewaan kepada Kerajaan Sarawak tetapi kebetulan saya meneliti perkembangan negeri-negeri.
23. Saya tidak menafikan bahawa Selangor, Pulau Pinang, Pahang dan Johor juga berjaya dalam bidangnya tetapi dalam inisiatif dan ikhtiar baharu dan mengambil kira bahawa kerajaan itu seharusnya stabil, kukuh, disiplin pimpinannya dan kepetahan pimpinannya, maka ada beberapa ikhtiar baharu di Sarawak yang membanggakan kita sebagai anak Malaysia.

24. Akhir kalam, saya sentuh tentang dasar-dasar. Sebagai contoh, MA 63 yang bertempik puluhan tahun. Saya telah memberikan jaminan kepada pimpinan Sabah dan Sarawak, saya telah memberi mandat sepenuhnya kepada TPM II, YAB Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof untuk mengambil bidang kuasa ini bagi menyelesaikan sedaya upaya apa sahaja janji yang dimeterai, dilaksanakan. Terdapat yang memperolok ini kerana kononnya jaminan ini sebagai tanda sokongan GRS, GPS, saya menjawab itu ada, tetapi yang lebih penting ialah tanggungjawab kepimpinan generasi kini untuk melaksanakan sumpah setia dan janji bapa-bapa kemerdekaan kita terdahulu.
25. Beberapa langkah telah diambil dan perkara yang lain seperti mana yang kita tahu akan dilaksanakan secara bersungguh-sungguh. Di Kelantan baru-baru ini, saudara sedia maklum masalah bekalan air di Kelantan itu parah. Di Sabah, yang disebut oleh Ketua Menteri adalah amat prihatin iaitu beliau menyebut kepada saya bersama Menteri Kewangan beliau, bagaimana untuk mendapatkan dana yang besar untuk menyelesaikan masalah air di Sabah dan saya menjawab, tidak ada alasan untuk Kerajaan tahun 2023 tidak dapat memulakan. Kita akan membuat program besar-besaran iaitu selesaikan “once

and for all” pasal air ini. Walaupun ia memerlukan dana yang besar, memerlukan pinjaman, memerlukan sukuk, memerlukan bon, tetapi itu masalah kerajaan. Jangan bebankan kepada rakyat. Dalam tempoh 2 minggu, saya akan mengundang Menteri Besar Kelantan dan Ketua Menteri Sabah serta sebuah pasukan untuk kita cari jalan penyelesaian.

26. Kalau pun memerlukan berbilion ringgit, kita mesti cari dan selesaikan tahun ini juga. Saya tak mahu dengar di Sandakan, air minum bercampur dengan air masjid. Saya berharap Kerajaan negeri dapat memudahkan perkara ini bersama Ketua Menteri, Datuk Seri Panglima Hajiji kerana dia yang mengemukakan perkara ini dan dia memberikan jaminan akan bekerjasama penuh. Saya tidak ada permasalahan sama sekali dan di kelantan saya telah meminta Menteri Besar dan saya akan mempersembahkan kepada Tuanku Sultan. Saya mengatakan ini tidak ada kena mengena sama ada pilihan raya negeri atau tidak. Itu masalah kedua, yang penting rakyat, kerana setelah 60 tahun merdeka, rakyat tidak boleh dibebankan dan dihina sampai tidak ada air bersih untuk minum.

27. Jika saudara tanya apa erti Kerajaan perpaduan? Inilah dia janji diterjemahkan. Jangan ditangguh ke tahun hadapan, sekarang juga kita cuba selesaikan. Projek-projek besar kita boleh tangguh tetapi air, elektrik, jalan berlopak-lopak, sekolah dan klinik daif memang sudah diperuntukan RM1.2 bilion, tak cukup daripada itu, RM1.4 bilion ringgit untuk jalan-jalan berlopak terutama di Sabah.
28. Di Kedah juga tiada air tetapi kalau bersyarah berdegardegar semuanya selesai. Sementara, Menteri Besar Kelantan sekurang-kurangnya bersedia berunding dengan baik. Orang runding dengan baik, kita sambut dua kali lebih baik. Orang yang angkuh dan sombong, tinggallah kamu dengan keangkuhan dan kesombongan kamu.
29. Jadi saudara-saudara, saya tahu kerangka ini. kita akan bincangkan perkara ini. Ya, masalah-masalah tertinggal bertahun-tahun, kita terpaksa bebal untuk memikul beban. Saya tidak mahu ke Sabah dan Sarawak dan dibangkitkan lagi dengan persoalan. Perjanjian Malaysia 1963 itu bukan janji tahun lalu, bukan janji 10 tahun yang lalu, tetapi janji tahun 1963.

30. Apakah erti kemerdekaan jika rakyat tidak dibebaskan. Saya selalu membicarakan tentang Surah Al-Balad, “Lâ 'Uqsimu Bi-Hâzal-Balad” dan di situ disebut bagaimana “Falaqtaĥamal ‘Aqabah” bagaimana boleh angkat darjat ketinggian kita ini dari sudut nilai hidup? Jawabnya “Fakku Raqabah”, iaitu bebaskan manusia dari apa bentuk penindasan, kehakiman dan pendakwaan.
31. Kita mempunyai kuasa sementara Kerajaan Perpaduan kuat sekarang. Yang mengigau, masih mengigau tetapi Kerajaan Perpaduan, alhamdulillah masih kuat. Kuat untuk apa? Kuat untuk melaksanakan program yang kita janjikan kepada rakyat. “Fakku Raqabah”, iaitu bebaskan manusia dari apa juga cengkaman, penghinaan kepada mereka, menghamba abdikan mereka dan ini merupakan tanggungjawab terbesar.
32. Terima kasih Ketua Menteri Sabah yang menyebut mengenai menoktahkan kemiskinan tegar.
33. Azizah mengingatkan saya bahawa hari ini adalah Hari Ibu, saya memang ingat. Biarlah itu kemudian sedikit, saya nak selesaikan yang ini dahulu. Jadi, saudara tahu siapa yang berkuasa. Ada yang memberitahu bahawa Anwar bagitau bagus dan berjaya tetapi yang di belakang,

yang mengatur semuanya itu ialah Azizah. Mengatur yang baik bukan mengatur nak beli berlian, mengatur untuk kebaikan.

34. Saya berbangga, alhamdulillah. Kita dapat menubuhkan Kerajaan dan Kerajaan tak dijangka ada yang mengatakan mungkin hanya 3 bulan, mungkin sebelum puasa, sebelum raya Cina, sebelum raya, sebelum raya Haji. Tetapi alhamdulillah, Konvensyen hari ini saudara-saudara, adalah isyarat jelas kepada rakyat Malaysia dan dunia. Kerajaan ini bukan sahaja stabil tetapi insya-Allah kekal sehingga pilihan raya umum akan datang.
35. Kekal untuk apa? Untuk memastikan yang pertama, tatakelolanya mesti baik, menghentikan amalan rasuah dan penyalahgunaan kuasa. Keduanya, pastikan dasar yang boleh memacu pertumbuhan dan membela nasib rakyat negara kita.

Hari Ibu 2023

36. Semalam saya mendengar lagu P.Ramlee lama dimainkan di pesawat:

Tak bertempat nak mengadu,
Alam keliling membisu,
Kalau Ada ayah dan ibu,
takkan begini nasibku?

37. kita tentunya tersentuh bila kita membicarakan tentang ibu terutama yang sudah tiada. Saya sebut baru-baru ini tatkala menonton filem *Anwar: Untold Story*. Dalam puluhan tahun di penjara, kalau pun sekali saya menangis adalah apabila ibu saya meninggal semasa saya meringkuk di penjara, kasih ibu, sumbangan mereka, latihan mereka, pendedahan mereka, tempat kita mengadu amat sukar diganti.

38. Jadi bagi kita yang ada ibu, jagalah dengan kasih sayang. Yang ada isteri yang juga ibu kepada anak anak, tunjukkan kasih sayang kepada mereka. Yang tiada ibu, yang telah meninggalkan kita pastikanlah sentiasa mendoakan mereka dan semoga Allah memberikan kasih sayang kepada mereka seperti mana mereka curahkan kasih

sayang kepada kita.

Saudara-saudara,

39. *This is a great day for Kerajaan perpaduan and for Malaysia.* Terima kasih kepada saudara-saudara kerana bersedia meleburkan segala kesempitan yang lalu, kemarahan yang lalu dan bermuafakat bersama.
40. Saya tahu mengenai kes Zahid adalah di antara yang paling kuat diserang termasuk kepada saya, tetapi saya nak maklumkan, kalaulah tidak kerana komitmen saudara Zahid sebagai selaku Presiden UMNO dan dukungan ahli-ahli Parlimen UMNO, sejarah kita tidak akan tertubuh. Jadi kita juga harus mengiktiraf peranan beliau dan UMNO. Terima kasih juga kepada Premier Abang Johari dan GPS yang menjadi faktor penentu.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.